

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[SELAYANG]**  
**TARIKH : 02 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 21**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi mengekalkan prestasi ekonomi yang baik supaya agensi penarafan kredit antarabangsa terus menaruh keyakinan terhadap Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil langkah proaktif untuk mengekalkan penarafan kredit antarabangsa Malaysia. Langkah konsolidasi fiskal sedang diteruskan bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kukuh dan mampan dalam tempoh jangka masa sederhana dan panjang. Defisit fiskal dijangka terus berkurang kepada 3.4% berbanding KDNK pada 2019 dan 3.2% pada 2020, daripada 3.7% pada 2018.

Kerajaan melalui Belanjawan 2020 telah mengumumkan pelbagai inisiatif dan strategi untuk merangsang pelaburan dan perbelanjaan domestik. Inisiatif ini termasuk menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik; meningkatkan peluang pekerjaan seperti melalui program #MalaysiaKerja dengan kos RM6.5 bilion untuk 5 tahun; memodenkan pasaran buruh; menambah baik kualiti pendidikan dan latihan; dan meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan seperti dengan Pelan Gentian Optik Dan Kesalinghubungan Negara dengan pelaburan bernilai RM21.6 bilion dari tahun 2019 sehingga 2023. Usaha Kerajaan ini akan memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara pada 2019 dan 2020.

Selain daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan pengurusan fiskal yang cekap, penarafan kredit berdaulat Malaysia juga dipengaruhi oleh faktor institusi yang diukur oleh Bank Dunia melalui *Worldwide Governance Indicators* (WGI). Dalam WGI yang terbaharu yang diterbitkan pada bulan Oktober 2019, Malaysia merupakan antara negara yang mengalami peningkatan markah yang terbesar di kalangan 214 ekonomi. Prestasi Malaysia yang memberangsangkan ini adalah hasil daripada pembaharuan institusi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pencapaian ini akan membantu Kerajaan mengekalkan penarafan kredit berdaulat Malaysia pada paras A3 atau A- dengan unjuran stabil.